



## **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara**

### **SOALAN-SOALAN LAZIM**

#### **Pembiayaan Pelancongan PENJANA**

**1. Apakah Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (*PENJANA Tourism Financing, PTF*) ?**

---

- Kemudahan PTF merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan bagi membantu sektor pelancongan. Tujuan kemudahan ini adalah untuk menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan dalam sektor pelancongan, melalui usaha mengekalkan keupayaan mereka dan membantu mereka membuat perubahan untuk kekal berdaya saing selepas COVID-19. PKS dan perusahaan mikro yang layak masing-masing boleh memohon pembiayaan sehingga RM300,000 dan RM75,000 pada kadar pembiayaan sehingga 3.5% setahun bagi tempoh pembiayaan sehingga 7 tahun.

**2. Siapakah yang layak memohon Kemudahan PTF?**

---

- PMKS tempatan dalam sektor pelancongan teras dan berkaitan pelancongan yang berikut, sama ada PMKS menurut takrifan SME Corp Malaysia; atau PMKS yang dilesenkan oleh / berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC) layak untuk memohon Kemudahan PTF.

Pelancongan teras:

1. Premis penginapan pelancongan (seperti hotel bajet, inap desa (*homestay*) berdaftar, chalet dan rumah peranginan)
2. Agensi pelancongan & operator pelancongan
3. Pengangkutan untuk pelancong (seperti operator bas, bot dan kereta sewa)

Sektor berkaitan pelancongan:

1. Pelancongan perubatan
2. Ekosistem Mesyuarat, Insentif, Persidangan, Pameran (*Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions, MICE*)
3. Perniagaan perkhidmatan wang – untuk pengendali pertukaran wang yang berurusan dengan pelancong ke dalam dan ke luar negeri
4. Perniagaan runcit, rekreasi dan kesihatan berkaitan pelancongan yang boleh membuktikan kebergantungan mereka yang besar terhadap pelancong

### **3. Bolehkah PKS memohon Kemudahan PTF daripada mana-mana bank?**

---

- PKS boleh menghubungi dan memohon daripada 12 institusi kewangan peserta yang berikut:
  - Affin Bank Berhad/Affin Islamic Bank Berhad;
  - Alliance Bank Malaysia Berhad / Alliance Islamic Bank Berhad;
  - AmBank (M) Berhad/AmBank Islamic Berhad;
  - Bank Islam Malaysia Berhad;
  - Bank Muamalat Malaysia Berhad;

- Bank Simpanan Nasional;
- CIMB Bank Berhad/CIMB Islamic Bank Berhad;
- Hong Leong Bank Berhad/Hong Leong Islamic Bank Berhad;
- Maybank Islamic Berhad;
- Public Bank Berhad/Public Islamic Bank Berhad;
- RHB Bank Berhad / RHB Islamic Berhad; and
- Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

#### **4. Bagaimanakah PKS boleh memastikan bahawa mereka layak untuk memohon Kemudahan PTF?**

---

- PKS dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan peserta (IKP) untuk memastikan kelayakan mereka di bawah Kemudahan PTF. Semua permohonan pembiayaan akan tertakluk pada penilaian IKP.
- Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF) atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing*, PSF) tidak layak untuk memohon.

#### **5. Perlukah PKS menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah Kemudahan PTF?**

---

- Tidak. Cagaran TIDAK diperlukan di bawah Kemudahan PTF.

## **6. Apakah ciri-ciri dan kriteria Kemudahan PTF?**

---

- Ciri-ciri utama PTF mungkin masing-masing berbeza antara 12 institusi kewangan peserta (IKP). Hal ini membolehkan mereka menyesuaikan tawaran pinjaman/pembiayaan mereka dengan kelayakan peminjam. PKS boleh membuat pilihan terbaik daripada pelbagai produk pembiayaan yang dapat memenuhi keperluan pembiayaan khusus mereka.
- PKS boleh merujuk Buku Kecil PTF untuk mendapatkan senarai ciri produk yang ditawarkan oleh 12 IKP tersebut.